

27 SEP 2003

Mahathir-Monaco

DR MAHATHIR LANCAR 'LANGKAWI YACHT REGISTRATION'

Oleh: Jackson Sawatan

MONACO, 27 Sept (Bernama) -- Malaysia secara rasmi meletakkan dirinya dalam peta laluan bagi masyarakat pelayar dunia hasil pelancaran "Langkawi Yacht Registration" oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada Jumaat.

Berucap pada ketika berpuluh-puluh perahu layar mewah berlabuh di Port Hercules sempena Monaco Yacht Show 2003, Perdana Menteri berkata Malaysia memiliki segala tarikan semula jadi dan kebudayaan untuk ditawarkan kepada pemilik-pemilik bot pesiaran ini.

Selain pesisiran pantai yang panjang di semenanjung dan di sebelah utara Sabah dan Sarawak, Malaysia juga mempunyai banyak pulau cantik serta telah membina pangkalan bagi membolehkan kapal pesiar singgah.

"Sebenarnya, Malaysia belum dikenali sepenuhnya oleh masyarakat pelayar," katanya pada majlis pelancaran itu di atas kapal layar "Sweet Doll".

Acara itu diserikan dengan tarian kebudayaan dan persembahan pencak silat oleh empat anggota Kumpulan Silat Patani dari Perancis.

Dr Mahathir berkata "Langkawi Yacht Registration", satu kemudahan untuk mendaftar kapal-kapal pesiar, akan disediakan di pulau peranginan itu tidak lama lagi, dan beliau menyeru pemilik-pemilik supaya mendaftar bot mereka di Malaysia dan belayar ke Langkawi.

"Langkawi adalah gugusan 101 pulau yang cantik. Dengan hanya mengelilingi Langkawi pun sudah menarik.

"Terdapat banyak tempat unik di Langkawi tetapi di sepanjang semenanjung, ada banyak lagi kawasan menarik, pelabuhan lama, pelabuhan Portugis dan sebagainya," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir memberi jaminan tentang mutu perkhidmatan yang akan disediakan oleh "Langkawi Yacht Registration" kerana ia akan dikendalikan oleh mereka yang mempunyai banyak pengalaman dalam mendaftar perahu layar dan kapal di Hindia Barat.

Beliau juga memberi jaminan kepada pelancong bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang selamat untuk dilawati walaupun terdapat sesetengah kerajaan yang menasihatkan rakyat mereka supaya tidak berkunjung ke Malaysia.

"Saya ingin memberi jaminan bahawa Malaysia adalah amat selamat. Secara kebetulan saja ia terletak di satu rantau yang kadangkala ada masalah. Tetapi Malaysia sendiri bebas daripada masalah termasuk serangan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk. Di Malaysia, kami tidak menghadapinya.

"Selat Melaka juga dikatakan tidak selamat kerana lanun. Kami sentiasa berusaha menjadikan selat ini selamat, jika anda sekelian menggunakan perairan Malaysia.

"Di sepanjang pesisir pantai, kami mempunyai radar untuk memantau semua kapal yang menggunakan Selat Melaka, dan kami menyediakan bot peronda untuk melindungi anda dalam perairan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata pelancong juga akan mendapati Malaysia lebih murah untuk dilawati.

"Malahan, anda boleh menggunakan RM1 untuk membeli barang yang sama yang boleh dibeli dengan satu dollar Amerika di Amerika Syarikat. Dollar Amerika adalah bersamaan RM3.80, yang bermakna ringgit Malaysia mempunyai kuasa belian hampir empat kali ganda daripada dollar Amerika di Malaysia," katanya.

Oleh kerana ringgit ditambat pada nilai RM3.80 bagi setiap dollar, dan

disebabkan nilai mata wang Amerika itu semakin susut berbanding Euro, Dr Mahathir berkata mereka yang memiliki Euro akan mendapati harga barangan dan perkhidmatan di Malaysia amatlah murah.

Malaysia juga menikmati musim panas sepanjang tahun dan juga bebas daripada taufan, gempa bumi dan bencana alam yang lain, katanya.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai bagaimana rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama hidup dalam harmoni "dengan setiap daripada mereka menyambut setiap perayaan yang lain."

"Ia mungkin Tahun Baru Cina, tetapi ia disambut oleh Melayu beragama Islam, dan masyarakat India beragama Hindu...begitulah juga apabila penganut Hindu dan Islam menyambut perayaan mereka," kata Perdana Menteri.

Pelancong juga menikmati konsep "rumah terbuka" di Malaysia yang membolehkan "siapa saja masuk ke mana-mana rumah semasa perayaan ini dan menikmati juadah yang disediakan."

"Sebagai Perdana Menteri, saya juga mengadakan rumah terbuka, dan saya dikunjungi sehingga 70,000 orang dalam satu hari. Saya mampu berjabat salam dengan 30,000 daripada mereka.

"Inilah satu ciri yang kami hargai...hubungan rapat antara kerajaan dan rakyat. Hasilnya ialah Malaysia telah tumbuh dan maju begitu baik, dan dianggap sebagai paling maju di kalangan negara-negara sedang membangun," kata Dr Mahathir.

Sambil berterima kasih kepada mereka yang hadir, Perdana Menteri berharap masyarakat pelayar akan sentiasa mengingati "Malaysia, Langkawi dan Langkawi Yacht Registration".

-- BERNAMA

JS AZZ MAI